

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 20

TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatkah Kementerian menyediakan peruntukan untuk melengkapkan NICU di Hospital Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Limbang merupakan sebuah hospital berpakar minor yang turut merupakan hospital rujukan untuk Hospital Lawas. Buat masa ini Hospital Limbang tidak mempunyai perkhidmatan NICU. Jumlah kelahiran di Hospital Limbang pada tahun 2016 adalah sebanyak 790 kelahiran, pada tahun 2017 adalah sebanyak 750 kelahiran dan pada tahun 2018 pula adalah sebanyak 694 kelahiran. Jumlah penggunaan katil wad paediatik Hospital Limbang pada tahun ini adalah sekitar 70 peratus hingga 88 peratus. Untuk makluman, sehingga bulan Ogos tahun ini, seramai 17 pesakit paediatik terpaksa dirujuk ke Hospital Miri untuk rawatan di NICU. Walau bagaimanapun, perancangan telah dibuat untuk membangunkan NICU di hospital tersebut. Permohonan peruntukan untuk pembangunan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sekian, terima kasih.